

30 DEC 1998

Cuti-Sabtu

KAKITANGAN AWAM BINGUNG KERAJAAN NEGERI TETAPKAN SABTU CUTI

KUALA TERENGGANU, 30 Dis (Bernama) -- Kakitangan awam di negeri ini kebingungan berikutan langkah kerajaan negeri menetapkan hari Sabtu sebagai cuti bulanan bagi perkhidmatan awam negeri ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Datuk Baharuddin Ismail dalam pekeliling bertarikh 23 Dis, yang diedarkan ke jabatan-jabatan kerajaan, memaklumkan bahawa keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri pada 16 Dis.

Baharuddin berkata berikutan keputusan itu setiap hari Sabtu minggu pertama setiap bulan dijadikan hari cuti dan tarikh yang ditetapkan ialah 2 Jan, 6 Feb, 6 Mac, 3 April, 8 Mei, 12 Jun, 3 Julai, 7 Ogos, 4 Sept, 2 Okt, 6 Nov dan 4 Dis bagi tahun ini.

Langkah kerajaan negeri itu nyata berbeza dengan kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Samsuddin Osman pada 21 Dis lalu bahawa cuti bulanan bagi negeri-negeri yang cuti mingguannya hari Ahad ialah hari Sabtu manakala negeri yang cuti umumnya hari Jumaat, cuti bulanannya ialah hari Khamis. Cuti umum di negeri Terengganu ialah hari Jumaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 Oktober lepas mengumumkan hari rehat itu yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat penyayang.

Berikutan pengedaran surat pekeliling kerajaan negeri itu, Bernama dihubungi oleh kakitangan awam bagi mengetahui kedudukan yang sebenarnya.

Seorang pemanggil berkata keputusan kerajaan negeri itu akan menyebabkan dia bercuti pada hari yang berbeza dengan isterinya sebagai kakitangan kerajaan persekutuan.

"Jika ini berlaku, kami bimbang matlamat cuti bulanan yang diberikan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang tidak akan mencapai matlamatnya," katanya.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), S. Siva Subramaniam ketika dihubungi dari sini berkata ia akan menghantar telegram mengenai perkara itu kepada Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad esok.

Beliau berharap kerajaan negeri akan mengikut arahan pekeliling yang dikeluarkan oleh JPA itu supaya tidak timbul sebarang masalah.

"Arahan JPA mengenai perkara itu jelas dan kerajaan negeri sepatutnya mengikutnya," kata beliau.

Siva berkata kerajaan negeri perlu menyelesaikan perkara itu secepat mungkin bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan kakitangan awam.

Datuk Baharuddin tidak dapat dihubungi kerana sedang bercuti dan mengerjakan umrah.

-- BERNAMA

AYB AKD